

# Selami budaya Malaysia

Pelajar Kyutech sertai program mobiliti inbound selama 11 hari anjuran Kolej Pendeta Za'ba

Oleh Samadi Ahmad  
cnews@NSTP.com.my

**Putrajaya:** Seramai 33 pelajar Kyushu Institute of Technology (Kyutech), Fukuoka, Jepun menyertai program *mobiliti inbound* anjuran Kolej Pendeta Za'ba, Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Program dua hala diadakan itu bertujuan memperkuatkan jaringan kerjasama peringkat global, di samping memberi peluang kepada pelajar untuk mengenal budaya masing-masing.

Pelbagai aktiviti diadakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai budaya negara ini dengan menyertai program inap desa di Bandaraya Melaka Bersejarah.

Program inap desa diadakan itu amat mencuit hati pelajar kerana mereka dapat mempelajari dan mengamalkan pakai-an tradisi masyarakat Melayu, bermain permainan tradisional seperti congkak, boling kela-pa, batu seremban dan layang-layang.

Mereka juga dibawa melawat

ke tempat bersejarah terdiri daripada makam Hang Jebat, rumah tradisional Melayu, Kota A Famosa dan tempat menarik di sekitar bandar Melaka.

Seorang peserta, Fukushima, berkata beliau berasa teruja terpilih sebagai peserta kerana ingin mengetahui lebih lanjut mengenai sejarah seni budaya Melayu yang terkenal pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, program itu memberikan pengalaman sebenar kepada mereka mengenai masyarakat dan budaya negara itu.

“Saya amat tertarik dengan pameran Melayu seperti keris, tanjak, tengkolok dan sejarah kesultanan Melayu yang mempunyai seni dan sejarah keagungan kegembilan bangsa Melayu,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman, berkata program diadakan itu bertujuan menggalakkan perkongsian budaya antara dua komuniti berbeza, di samping membina jambatan untuk saling memahami.

Beliau berkata, bermula 2012, UPM menerima lebih 600 pelajar Kyutech melalui program mobili-ti inbound dan semakin ber-kembang setiap tahun.

Katanya, UPM dan Kyutech mengadakan memorandum per-sefahaman (MoU) bagi program mobiliti outbound dan inbound dengan jumlah penghantaran seramai 120 peserta bagi setiap institusi pada setiap tahun.

“Pada bulan lalu dan bulan



**Pelajar Kyutech**, mengadakan lawatan ke Bandaraya Melaka Bersejarah ketika menyertai program mobiliti inbound anjuran Kolej Pendeta Za'ba, UPM.

(Foto Samadi Ahmad/BH)

ini, UPM menerima seramai 70 peserta inbound Jepun dalam usaha untuk menyampaikan tiga hasrat Kementerian Pendidikan terdiri daripada Cinta, Ke-bahagiaan dan Saling Menghor-mati.

“Selain program inbound dan outbound, UPM serta Kyutech turut memeterai MoU penyelidi-kan dengan industri di Malay-sia dan Jepun serta program ja-ringan staf dan pelajar dalam

bidang akademik, termasuk pengajuran bersama *Symposium on Applied Engineering and Sciences* (SAES) yang diadakan secara dwitahunan secara bergilir antara kedua-dua institusi,” katanya.

Antara program lain disertai peserta adalah mempelajari tulisan jawi dan khat, mengadakan lawatan sekitar UPM, mengikuti kelas pengajian akademik di Fa-kulti Perhutanan, Fakulti Sains

dan Fakulti Kejuruteraan, menjalankan uji kaji ringkas di mak-mal, lawatan ke industri ber-teknologi tinggi Jepun sekitar Selangor seperti Toto, Sony dan Panasonic.

Pada masa sama, pertukaran budaya Jepun seperti tarian Yosakoi, sejenis tarian menggunakan alatan muzik tangan turut diadakan bagi mendedahkan seni budaya itu kepada pelajar UPM.